

Runo  
30/3

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SEU226 – Ekonomi Buruh

Masa : [3 jam]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian.
3. **Bahagian A:** Jawab semua soalan di bahagian ini. Tandakan pilihan jawapan anda di borang OMR.
4. **Bahagian B:** Jawab **tiga** (3) soalan di bahagian ini. Tuliskan jawapan anda di buku jawapan.
5. Jangan ceraikan mana-mana halaman kertas peperiksaan. Keseluruhan kertas peperiksaan, borang OMR dan buku jawapan akan dipungut di akhir sidang peperiksaan.

... 2/-

**BAHAGIAN A****Soalan 1**

Jawab **SEMUA** soalan berikut. Tandakan pilihan jawapan anda di borang OMR. Jangan ceraikan mana-mana halaman.

Untuk soalan 1 – 30, tentukan setiap satu soalan itu **sama ada**

[A] BENAR

**atau**

[B] TIDAK BENAR

1. Ekonomi buruh mengkaji aplikasi masalah-masalah buruh kepada prinsip-prinsip ekonomi.
2. Termasuk dalam salah satu skop ekonomi buruh ialah bagaimana syer pendapatan negara diagihkan antara faktor-faktor pengeluaran.
3. Semua faktor pengeluaran tidak boleh dipisahkan antara pemiliknya dengan perkhidmatan yang diberikan oleh faktor berkenaan.
4. Buruh berlebihan ialah penggunaan buruh melebihi daripada apa yang diperlukan.
5. Kadar penyertaan tenaga kerja ialah nisbah tenaga kerja potensi kepada tenaga kerja sebenar.
6. Satu keluk samapuas pendapatan-masa lapang seseorang individu menunjukkan kombinasi masa kerja dan masa lapang yang menghasilkan satu tahap kepuasan individu.
7. Kadar penggantian sut masa lapang untuk pendapatan mengukur kadar masa lapang yang mesti dilepaskan untuk mendapatkan satu unit lagi masa kerja agar pendapatan tidak berubah.
8. Bagi seseorang individu, sekiranya masa lapang ditingkatkan apabila kadar upah meningkat membawa pengertian kesan pendapatan lebih kukuh daripada kesan penggantian.
9. Walaupun keluk penawaran buruh individu boleh membelok ke atas dari kanan ke kiri selepas satu tahap upah, keluk penawaran buruh total tidak mempaparkan ciri-ciri ini.
10. Dalam model Becker, kesan pendapatan akan menyebabkan seseorang pekerja mengurangkan masa jam kerjanya apabila kadar upah meningkat kerana lebih banyak masa diperlukan bagi tujuan penggunaan barangan dan perkhidmatan.
11. Mengikut model Becker, kesan penggantian akan menyebabkan masa lapang meningkat apabila kadar upah meningkat.
12. Penawaran buruh yang tak anjal upah bermaksud peratus perubahan kadar upah lebih kecil daripada peratus perubahan penawaran buruh.


... 3/-

13. Keluk  $MRP_L$  sebuah firma adalah keluk permintaan buruh firma berkenaan.
14. Bagi sesebuah firma,  $MRP_L = VMP_L$  sekiranya ia adalah penerima harga dalam pasaran buruh.
15. Sesebuah firma yang beroperasi di pasaran output persaingan tak sempurna, nilai  $VMP_L$ nya sentiasa kurang daripada nilai  $MRP_L$ nya pada setiap paras gunatenaga.
16. Permintaan buruh jangka panjang lebih anjal upah daripada permintaan buruh jangka pendek kerana kesan output lebih besar daripada kesan penggantian.
17. Kesan kejatuhan kadar upah ke atas kuantiti buruh yang diminta oleh sesebuah firma akan disederhanakan kerana keluk permintaan buruh beranjak ke kiri akibat daripada kejatuhan harga output kerana kejatuhan kadar upah.
18. Ahli ekonomi neo-klasikal berpegang kepada teori upah sara-diri (*subsistence*).
19. Sesebuah firma yang beroperasi dalam pasar persaingan sempurna di pasar output dan buruh akan menggajikan pekerja hingga ke tahap di mana kadar upah sama dengan harga output.
20. Sesebuah firma yang beroperasi dalam pasar persaingan sempurna di pasar output dan buruh menghadapi keluk permintaan buruh yang bercerun ke atas dari kiri ke kanan.
21. Dalam model penentuan gunatenaga klasikal, pengangguran tidak wujud kerana ketidakimbangan pasar buruh akan diselesaikan melalui perubahan kadar upah ke atas atau ke bawah.
22. Dalam model penentuan gunatenaga Keynes, gunatenaga penuh sentiasa dicapai kerana kadar upah fleksibel ke atas dan ke bawah.
23. Pengangguran tak ketara ialah satu keadaan di mana pada satu tahap upah, wujud sebilangan pekerja yang tidak bekerja atau tidak mendapat kerja.
24. Mengikut model diskriminasi upah Becker, pengurangan penawaran pekerja kulit hitam akan mengurangkan jurang perbezaan upah antara pekerja kulit hitam dengan pekerja kulit putih.
25. Mengikut model diskriminasi upah kuasa pasar, kadar upah buruh lelaki berbeza daripada kadar upah buruh wanita kerana perbezaan  $MRP$  antara kedua-duanya.
26. Pasar buruh bandar tak formal merujuk kepada satu sektor gunatenaga di bandar yang mana pekerja dikawal oleh sama ada kerajaan atau kesatuan sekerja.
27. Model Lewis cuba menjelaskan bagaimana lebihan buruh di sektor pertanian dapat digunakan untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian melalui penggunaan modal dari sektor kapitalis.
28. Model Todaro cuba menjelaskan mengapa pengangguran boleh wujud di bandar, serentak dengan migrasi pekerja luar bandar ke bandar.

... 4/-

29. Dari segi struktur pekerjaan, Malaysia mempamerkan struktur pekerjaan yang sama dengan struktur pekerjaan negara maju, yang mana kumpulan pekerjaan terbesar ialah di sektor ketiga.
30. Semakin hampir nilai Koefisien Gini ke 1, semakin tidak adil agihan pendapatan di sesebuah negara.
31. Kadar penyertaan buruh dihitung oleh
- [A] Tenaga kerja potensi / Jumlah penduduk
  - [B] Tenaga kerja sebenar / Tenaga kerja potensi
  - [C] Tenaga kerja potensi / Tenaga kerja sebenar
  - [D] Tenaga kerja sebenar / Jumlah penduduk
  - [E] Gunatenaga / Penganggur

Soalan 32 – 33 merujuk kepada rajah berikut. Rajah ini menunjukkan keluk penawaran buruh.



32. Paksi tegak rajah ini mengukur
- [A] pendapatan
  - [B] upah
  - [C] kadar upah
  - [D] lebihan untung
  - [E] masa lapang
33. Di kawasan cb, \_\_\_\_\_, manakala di kawasan ba, \_\_\_\_\_.
- [A] kesan pendapatan mengatasi kesan penggantian, kesan penggantian mengatasi kesan pendapatan.
  - [B] kesan penggantian mengatasi kesan pendapatan, kesan pendapatan mengatasi kesan penggantian,
  - [C] kesan penggantian mengatasi kesan pendapatan, upah menurun
  - [D] masa lapang meningkat, masa kerja menurun
  - [E] masa lapang menurun, masa kerja meningkat
34. Jika kesan pendapatan mengatasi kesan penggantian, pengurangan kadar upah akan menyebabkan masa kerja \_\_\_\_ dan masa lapang \_\_\_\_.
- [A] meningkat, meningkat
  - [B] meningkat, berkurangan
  - [C] berkurangan, meningkat
  - [D] berkurangan, berkurangan
  - [E] tidak berubah, tidak berubah


Soalan 35 – 39 merujuk kepada model diskriminasi upah Becker.

35. Mengikut Becker, firma mengdiskriminasikan pekerja yang sama kualitinya kerana

- [A] upah berbeza antara mereka yang didiskriminasikan.
- [B] pihak berkuasa menetapkan kadar upah yang berbeza antara pekerja.
- [C] sesetengah kumpulan mempunyai banyak ahli dan dengan yang demikian mereka didiskriminasikan.
- [D] firma mempunyai citarasa terhadap diskriminasi dan sanggup membayar kadar upah yang berbeza.
- [E] kesatuan sekerja menetapkan kadar upah yang berbeza.

36. Persamaan simpel model Becker boleh ditulis seperti berikut:  $w_B = w_W - D$ , yang mana  $w_B$  ialah kadar upah pekerja kulit hitam,  $w_W$  ialah kadar upah pekerja kulit putih dan  $D$  ialah faktor diskriminasi. Sesebuah firma yang mengamalkan diskriminasi mempunyai nilai

- [A]  $D > 0$
- [B]  $D < 0$
- [C]  $D = 0$
- [D]  $w_B > w_W + D$
- [E]  $w_B/w_W = 0$



Firma	Nilai D
a	\$45
b	\$35
c	\$30
d	\$20
e	\$ 9


37. Berasaskan rajah di atas, jadual di atas dan  $w_W = \$50$ , firma manakah yang akan menggajikan pekerja kulit putih sahaja?

- [A] a, b, c, d dan e
- [B] a, b, c dan d
- [C] d dan e
- [D] a
- [E] e

... 6/-

38. Sekiranya nilai D setiap firma meningkat, *cet. par.*, nilai keseimbangan nisbah  $w_B/w_W$
- [A] akan kekal pada 0.8
  - [B] akan menjadi lebih besar daripada 0.8
  - [C] akan menjadi lebih kecil daripada 0.8
  - [D] tiada pengaruhnya.
  - [E] tidak dapat ditentukan.
39. Sekiranya masyarakat dididik sehinggakan mereka mengurangkan darjah diskriminasi masing-masing, *cet. par.*, nilai keseimbangan nisbah  $w_B/w_W$
- [A] akan kekal pada 0.8
  - [B] akan menjadi lebih besar daripada 0.8
  - [C] akan menjadi lebih kecil daripada 0.8
  - [D] tiada pengaruhnya.
  - [E] tidak dapat ditentukan.


Soalan 40 – 43 merujuk kepada rajah di bawah



40. Keluk ab menunjukkan
- [A] bagaimana harta dibahagi-bahagikan antara pekerja.
  - [B] kadar upah antara pekerja.
  - [C] pertalian antara pendapatan dan produktiviti buruh.
  - [D] pendapatan dan kadar upah.
  - [E] agihan pendapatan antara pekerja.
41. Titik c mengatakan
- [A] 20% pekerja dengan pendapatan tertinggi menerima 60% daripada jumlah pendapatan.
  - [B] 20% pekerja dengan pendapatan terendah menerima 60% daripada jumlah pendapatan.
  - [C] 80% pekerja dengan pendapatan terendah menerima 60% daripada pendapatan.
  - [D] 80% pekerja dengan pendapatan tertinggi menerima 60% daripada pendapatan.
  - [E] Tidak membawa apa-apa erti.

42. Semakin besar kawasan X
- [A] semakin sama rata agihan pendapatan antara pekerja.
  - [B] semakin tidak sama rata agihan pendapatan antara pekerja.
  - [C] semakin kecil nilai koefisien Gini.
  - [D] semakin tinggi pendapatan pekerja.
  - [E] semakin rendah pendapatan pekerja.
43. Nilai koefisien Gini diukur oleh
- [A] kawasan X
  - [B] kawasan Y
  - [C] jumlah  $(X + Y)$
  - [D] nisbah  $(X / Y)$
  - [E] nisbah  $(X / [X + Y])$
44. Yang manakah di antara yang berikut adalah salah mengenai konsep buruh?
- i Permintaan buruh adalah permintaan terbitan.
  - ii Perkhidmatan buruh adalah perkhidmatan '*perishable*'.
  - iii Pemilik faktor buruh tidak boleh diasingkan daripada perkhidmatan buruh.
  - iv Ganjaran kepada faktor buruh dinamakan upah atau gaji.
  - v Buruh berlebihan ialah tenaga buruh yang digunakan melebihi daripada apa yang perlu digunakan untuk menghasilkan sesuatu.
- [A] i
  - [B] ii
  - [C] iii
  - [D] iv, v
  - [E] Semuanya benar.
45. Mengikut model Keynes, pengangguran boleh wujud kerana
- [A] upah bolehubah ke atas atau ke bawah.
  - [B] kurangnya permintaan agregat berbanding penawaran agregat.
  - [C] kurangnya penawaran agregat berbanding permintaan agregat.
  - [D] wujudnya kesatuan sekerja.
  - [E] penggunaan dasar fiskal dan dasar kewangan.
46. Mengikut model diskriminasi upah kuasa pasar, sesuatu firma boleh menetapkan kadar upah yang berbeza kepada dua kumpulan buruh yang sama kualitinya kerana
- [A] ia adalah sebuah firma yang membeli buruh di pasaran persaingan sempurna.
  - [B] ia menghadapi dua keluk penawaran buruh yang berbeza keanjalannya.
  - [C] keluk  $MRP_L$ nya tidak sama dengan keluk  $VMP_L$ nya.
  - [D] ia menyamakan  $MRP_L$  dengan  $MWC$ .
  - [E] ia dapat berunding dengan setiap kesatuan sekerja secara berasingan.


Rajah berikut merujuk kepada soalan 47 – 48.



47. Dalam keadaan asal (titik a), individu ini bekerja selama \_\_\_\_\_ jam sehari pada kadar upah \_\_\_\_\_ /jam.
- [A] 16, RM160  
 [B] 8, RM160  
 [C] 16, RM 20  
 [D] 8, RM 20  
 [E] Tidak dapat ditentukan.
48. Pergerakan dari titik a ke titik b adalah kerana kadar upah telah \_\_\_\_\_ dan jumlah masa lapang ialah \_\_\_\_\_ jam.
- [A] jatuh, 10  
 [B] jatuh, 14  
 [C] naik, 14  
 [D] naik, 10  
 [E] Tidak dapat ditentukan.
49. Di antara perkara-perkara yang berikut, yang mana yang membawa maksud pelaburan dalam modal manusia?
- i pendidikan formal  
 ii latihan sambil bekerja (*on-the-job-training*)  
 iii meningkatkan taraf kesihatan  
 iv migrasi  
 v pendidikan tadika  
 vi mempelajari bahasa asing secara persendirian
- [A] i, ii, iii, v, vi  
 [B] i, ii, v, vi  
 [C] i, ii, vi  
 [D] i, iii, iv, v  
 [E] Semua yang disenaraikan



Rajah berikut merujuk kepada soalan 50 - 54. Rajah ini menunjukkan keadaan pasar buruh.




50. Rajah di atas merujuk kepada firma yang beroperasi dalam pasar
- [A] monopoli
  - [B] persaingan sempurna di pasaran buruh
  - [C] monopoli bilateral
  - [D] persaingan tak sempurna
  - [E] Tidak dapat ditentukan.
51. 100 pekerja digajikan oleh firma ini kerana di tahap ini
- [A]  $S_L = MWC$
  - [B]  $MRP_L = VMP_L$
  - [C] Kesatuan Sekerja menetapkan  $w = RM50$
  - [D]  $VMP_L = MWC$
  - [E]  $MWC = MRP_L$
52. Jika MR (hasil marginal) pekerja ke 100 ialah RM5, pekerja ini menghasilkan \_\_\_\_\_ unit output.
- [A] 100
  - [B] 50
  - [C] 2
  - [D] 10
  - [E] Tidak dapat ditentukan.
53. Kejatuhan kadar upah dari RM50 ke RM25
- [A] menganjak keluk  $D_L$  ke  $D_{L2}$  kerana produktiviti buruh meningkat.
  - [B] menganjak keluk  $D_L$  ke  $D_{L2}$  kerana harga komoditi yang dihasilkan meningkat akibat tambahan permintaan.
  - [C] menganjak keluk  $D_L$  ke  $D_{L1}$  kerana produktiviti buruh jatuh.
  - [D] menganjak keluk  $D_L$  ke  $D_{L1}$  kerana harga komoditi yang dihasilkan jatuh akibat tambahan output kerana kejatuhan kos input.
  - [E] tidak pasti kesannya ke atas kelk  $D_L$ .

54. Kejatuhan kadar upah dari RM50 ke RM25

- [A] meningkatkan bilangan pekerja ke 120
- [B] meningkatkan bilangan pekerja ke 200
- [C] meningkatkan bilangan pekerja ke 270
- [D] tidak mengubah bilangan pekerja
- [E] tidak dapat ditentukan.

Rajah di bawah ialah untuk soalan 55 - 59.



55. Firma ini menghadapi keluk penawaran buruh yang mendatar kerana

- [A] ia pembeli tunggal buruh.
- [B] ia menjual produknya di pasaran monopoli.
- [C] ia menjual produknya di pasaran persaingan sempurna.
- [D] pembeli buruh di pasaran persaingan sempurna.
- [E] tidak boleh ditentukan.

56. Keluk  $MRP_L$  firma ini terletak ke bawah keluk  $VMP_L$  kerana


- [A] ia pembeli tunggal buruh.
- [B] ia menjual produknya di pasaran monopoli.
- [C] ia menjual produknya di pasaran persaingan sempurna.
- [D] pembeli buruh di pasaran persaingan sempurna.
- [E] tidak boleh ditentukan.

57. Firma ini akan menggaji \_\_\_\_\_ pekerja kerana \_\_\_\_\_.

- [A] oa, untung dimaksimumkan
- [B] oa,  $MRP_L < VMP_L$
- [C] ob,  $VMP_L = MWC$
- [D] ob, untung dimaksimumkan
- [E] oa,  $VMP_L < MRP_L$

58. Pekerja ke f (katakan pekerja ke 100) \_\_\_\_ kerana \_\_\_\_.
- [A] tidak digajikan,  $VMP_L > MRP_L$   
 [B] digajikan, kos menggajikannya melebihi hasil yang disumbangkannya.  
 [C] tidak digajikan, kos menggajikannya melebihi nilai hasil yang disumbangkannya.  
 [D] digajikan, kos menggajikannya kurang daripada hasil yang disumbangkannya.  
 [E] digajikan,  $VMP_L > MRP_L$
59. Dalam keadaan pemaksimuman untung bagi firma ini, nilai output yang dihasilkan oleh pekerja yang digajikan ialah \_\_\_\_, manakala pendapatan pekerja ialah \_\_\_\_.
- [A] ogea, ohea  
 [B] ogcb, oicb  
 [C] ogcb, ihea  
 [D] ohea, oida  
 [E] ogea, owde

Rajah berikut merujuk kepada soalan 60 - 63.



60. Keluk  $MWC_L$  sentiasa terletak ke atas keluk  $AWC$  kerana
- [A] hukum pulangan semakin berkurangan  
 [B] upah yang lebih tinggi yang dibayar untuk menarik seorang lagi pekerja terpaksa dibayar kepada semua pekerja yang sudahpun digajikan.  
 [C] kos bolehubah yang lain telah meningkat.  
 [D] fungsi pengeluaran mengandaikan modal itu tetap.  
 [E] wujudnya kesatuan sekerja.
61. Firma ini diandaikan sebagai pembeli tunggal buruh (monopsoni) dicerminkan oleh
- [A] keluk permintaan buruh yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.  
 [B] kesamaan keluk  $D_L$  dengan keluk  $MRP_L$  dan keluk  $VMP_L$ .  
 [C] keluk penawaran buruh yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan.  
 [D] [A] dan [B]  
 [E] [B] dan [C]

... 12/-


62. Pemaksimuman untung bagi firma ini bererti firma ini akan menggajikan \_\_\_\_ pekerja.

- [A] oa
- [B] ob
- [C] oc
- [D] 0
- [E] tidak boleh ditentukan

63. Dalam keadaan keseimbangan ini

- [A]  $w < MRP_L$
- [B]  $w = MRP_L$
- [C]  $w > MRP_L$
- [D]  $w = MWC$
- [E] tidak boleh ditentukan

Rajah di bawah merujuk kepada soalan 64 - 67. Rajah ini merujuk kepada model Lewis.



64. Mengikut model Lewis, pembangunan sektor kapitalis terbantut kerana

- i lebih buruh di sektor saradiri berkurangan.
- ii kadar upah di sektor saradiri jatuh.
- iii kadar upah di sektor kapitalis meningkat.
- iv harga barangan pertanian meningkat.
- v lebih untung meningkat.

- [A] i, iii, v
- [B] ii, iii, iv
- [C] iii, iv, v
- [D] i, iii, iv
- [E] i, ii, iii, iv, v

65. Di rajah di atas, paksi tegak mengukur \_\_\_\_\_ dan paksi lentang mengukur \_\_\_\_\_.

- [A] permintaan buruh, penawaran buruh
- [B] upah, penawaran buruh
- [C] kadar upah, bilangan pekerja
- [D]  $MRP_L$ , bilangan pekerja di sektor saradiri
- [E] kadar upah, hasil sektor kapitalis

66. Gunatenaga melebihi oj

- [A] memerlukan kadar upah sektor kapitalis yang lebih tinggi
- [B] tidak boleh dicapai kerana lebih buruh di sektor saradiri tidak lagi wujud.
- [C] mengurangkan tabungan sekor saradiri.
- [D] mengurangkan bil upah sektor kapitalis.
- [E] mengurangkan produktiviti buruh.

67. Jika gunatenaga ialah di Od, syer untung kepada pendapatan buruh diukur oleh nisbah

- [A]  $Obfd/OLL_1$
- [B]  $bLf/OLL_1$
- [C]  $bLf/ObfL_1$
- [D]  $bLf/Obfd$
- [E]  $Obfd/ObfL_1$

68. Pernyataan yang betul untuk model migrasi Todaro ialah:

- i Salah satu faktor yang diambil kira oleh buruh luar bandar untuk berhijrah ke bandar ialah jangkaan pendapatan di bandar.
- ii Bruh dari luar bandar akan berhijrah ke bandar jika jangkaan pendapatan di bandar melebihi pendapatan sebenar di luar bandar.
- iii Buruh dari luar bandar yang sudah berhijrah mendapat pekerjaan di bandar dengan serta merta.
- iv Kebarangkalian mendapat kerja di luar bandar adalah salah satu faktor yang mempengaruhi keputusan untuk berhijrah ke bandar.
- v Kebarangkalian mendapat kerja di bandar adalah tinggi apabila gunatenaga tinggi.

- [A] i, v
- [B] ii, iv, v
- [C] iii, v
- [D] iii, iv, v
- [E] i, ii, iii, iv, v

69. Pernyataan yang manakah benar tentang buruh yang menerima latihan am?

- [A] Semasa latihan, kadar upah melebihi  $MRP$ nya.
- [B] Selepas latihan, kadar upah melebihi  $MRP$ nya.
- [C] Selepas latihan, kadar upah kurang daripada  $MRP$ nya.
- [D] Oleh kerana pekerja mungkin mencari kerja lain selepas mendapat latihan am, majikan akan membayar kadar upah yang lebih rendah daripada  $MRP$ nya semasa latihan.
- [E] Kadar upah mereka yang dilatih sama dengan kadar upah mereka yang tidak dilatih.

70. Pernyataan yang manakah benar tentang buruh yang menerima latihan spesifik?

- [A] Buruh akan membiayai sendiri latihan ini.
- [B] Buruh akan mencari kerja lain selepas mendapat latihan
- [C] Kadar upah selepas latihan sama dengan kadar upah semasa latihan.
- [D] Buruh akan menerima kadar upah yang kurang daripada MRPnya selepas latihan.
- [E] Kadar upah semasa latihan kurang daripada MRPnya semasa latihan.

**BAHAGIAN B (30 markah)**

Jawab mana-mana **tiga (3)** soalan. Tuliskan jawapan anda di buku jawapan. Jawapan yang baik seharusnya dibantu oleh rajah-rajah yang sesuai.

**Soalan 2**

Dengan bantuan rajah, tunjukkan dan terangkan bagaimana keluk penawaran buruh seseorang individu dibina. Pastikan anda menjelaskan juga konsep kesan penggantian dan kesan pendapatan, dengan andaian masa lapang adalah barangan biasa.

**Soalan 3**

Dengan bantuan rajah yang sesuai, terangkan konsep pengangguran tak ketara (*disguised unemployment*).

**Soalan 4**

Dengan bantuan rajah yang sesuai, tunjukkan kenapa kadar upah wanita berbeza daripada kadar upah lelaki mengikut model diskriminasi upah kuasa pasar.

**Soalan 5**

Terangkan mana-mana **dua** model yang cuba menjelaskan syer pendapatan buruh dalam pendapatan negara.

**Soalan 6**

Keluk permintaan buruh dalam jangka panjang menjadi lebih anjal daripada keluk permintaan buruh jangka pendek. Terangkan dan berikan sebab-sebabnya.

**Soalan 7**

Terangkan mengapa keluk permintaan pasar untuk buruh kurang anjal daripada campuran mendatar keluk permintaan firma individu untuk buruh.

**Soalan 8**

Jelaskan perhitungan yang mungkin dibuat oleh seseorang individu dalam membuat keputusan sama ada beliau akan melabur untuk mendapat pendidikan tambahan atau terus bekerja.

**Soalan 9**

Terangkan aspek-aspek (a) latihan am, dan (b) latihan spesifik untuk pekerja.

**Soalan 10**

Terangkan **sama ada** model pembangunan ekonomi dua-sektor Lewis atau model migrasi Todaro. Terangkan juga implikasi model berkenaan.

ooOoo